



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

MATEMATIK

TAHUN 1

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 1.0 Nombor Bulat Hingga 100**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Kuantiti secara intuitif	1.1.1 Menyatakan kuantiti melalui perbandingan.	-	-
1.2 Nilai nombor	1.2.1 Menamakan nombor hingga 100: (i) Membilang objek dalam kumpulan. (ii) Menamakan nombor bagi kumpulan objek sebagai mewakili kuantiti. (iii) Membandingkan kuantiti dua kumpulan objek. 1.2.2 Menentukan nilai nombor hingga 100: (i) Menunjukkan kuantiti bagi nombor yang diberi. (ii) Memadankan kumpulan objek dengan nombor. (iii) Membandingkan nilai dua nombor. (iv) Menyusun kumpulan objek mengikut tertib menaik dan tertib menurun.		
1.3 Menulis nombor	1.3.1 Menulis nombor dalam angka dan perkataan.	-	-
1.4 Kombinasi nombor	1.4.1 Menyatakan kombinasi nombor satu digit.	-	-
1.5 Rangkaian nombor	1.5.1 Membilang nombor. 1.5.2 Melengkapkan sebarang rangkaian nombor.	-	-

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.6 Nilai tempat	1.6.1 Menyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor.	-	-
1.7 Menganggar	1.7.1 Memberi anggaran bilangan objek yang munasabah.	-	-
1.8 Membundarkan nombor	1.8.1 Membundarkan nombor bulat kepada puluh terdekat.	-	-
1.9 Pola nombor	1.9.1 Mengenal pasti pola bagi siri nombor yang diberi. 1.9.2 Melengkapkan pelbagai pola nombor yang mudah.	-	-
1.10 Penyelesaian masalah	-	1.10.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 2.0 Operasi Asas**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Konsep tambah dan tolak	2.1.1 Mengguna dan mempelbagaikan perbendaharaan kata yang relevan dalam konteks tambah dan tolak. 2.1.2 Memperkenalkan simbol bagi tambah, tolak dan sama dengan. 2.1.3 Menggunakan simbol tambah, tolak dan sama dengan bagi menulis ayat matematik berdasarkan situasi yang diberi.	-	-
2.2 Tambah dalam lingkungan 100	2.2.1 Menambah dalam lingkungan fakta asas. 2.2.2 Menambah dua nombor hasil tambah dalam lingkungan 100.		
2.3 Tolak dalam lingkungan 100	2.3.1 Menolak dalam lingkungan fakta asas. 2.3.2 Menolak dua nombor dalam lingkungan 100.		
2.4 Penyelesaian masalah	-	2.4.1 Mereka cerita masalah tambah dan tolak dalam lingkungan 100. 2.4.2 Menyelesaikan masalah tambah dan tolak yang melibatkan situasi harian.	-

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.5 Tambah berulang	2.5.1 Menulis ayat matematik tambah berulang dua-dua, lima-lima, sepuluh-sepuluh dan empat-empat.	-	-
2.6 Tolak berturut-turut	2.6.2 Menulis ayat matematik tolak berturut-turut dua-dua, lima-lima, sepuluh-sepuluh dan empat-empat.		

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI

Tajuk: 3.0 Pecahan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Konsep perdua dan perempat pecahan wajar	3.1.1 Mengenal pasti satu perdua, satu perempat, dua perempat dan tiga perempat.	-	-
3.2 Penyelesaian masalah	-	3.2.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 4.0 Wang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Wang kertas dan duit syiling	4.1.1 Mengenal pasti mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas 4.1.2 Mewakilkkan nilai wang: (i) Sen hingga RM1. (ii) Ringgit hingga RM10. 4.1.3 Menukar wang: (i) Sen hingga RM1. (ii) Ringgit hingga RM10.	-	-
4.2 Sumber kewangan dan simpanan	4.2.1 Mengenal pasti sumber kewangan dan simpanan. 4.2.2 Merekod simpanan dan perbelanjaan daripada sumber kewangan.	-	-
4.3 Penyelesaian masalah	-	4.3.1 Menyelesaikan masalah harian melibatkan penambahan dan penolakan wang.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 5.0 Masa dan Waktu**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Hari dan bulan	5.1.1 Menyatakan waktu dalam sehari. 5.1.2 Menyatakan dalam urutan peristiwa dalam sehari. 5.1.3 Menamakan hari dalam seminggu. 5.1.4 Menamakan bulan dalam setahun.	-	-
5.2 Muka jam	5.2.1 Mengenal pasti jarum jam pada muka jam. 5.2.2 Mengenal pasti dan menyatakan 'setengah', 'satu perempat' dan 'tiga perempat' berdasarkan muka jam. 5.2.3 Menyebut dan menulis waktu dalam jam, setengah dan satu perempat jam sahaja dengan menggunakan jam analog.	-	-
5.3 Penyelesaian masalah	-	5.3.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI

Tajuk: 6.0 Ukuran dan Sukatan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
6.1 Unit relatif untuk mengukur panjang, jisim dan isi padu cecair	6.1.1 Menggunakan dan mempelbagaikan perbendaharaan kata ukuran panjang, jisim dan isi padu cecair dalam konteks. 6.1.2 Membuat pengukuran, jisim dan menyukat objek menggunakan unit bukan piawai. 6.1.3 Membanding dua atau lebih ukuran, jisim dan isi padu cecair objek menggunakan unit bukan piawai.	-	-
6.2 Penyelesaian masalah	-	6.2.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 7.0 Ruang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
7.1 Bentuk tiga dimensi	7.1.1 Menamakan bentuk kuboid, kubus, kon, piramid tapak segi empat sama, silinder dan sfera. 7.1.2 Memperihalkan permukaan, sisi dan bucu bagi bentuk tiga dimensi. 7.1.3 Menyusun objek mengikut pola. 7.1.4 Menghasilkan bentuk baru dari gabungan bentuk tiga dimensi.	-	-
7.2 Bentuk dua dimensi	7.2.1 Menamakan bentuk segi empat sama, segi empat tepat, segi tiga dan bulatan. 7.2.2 Memperihalkan garis lurus, sisi, penjuru dan lengkung bagi bentuk dua dimensi. 7.2.3 Menyusun bentuk dua dimensi mengikut pola. 7.2.4 Menghasilkan corak berasaskan bentuk dua dimensi.	-	-
7.3 Penyelesaian masalah	-	7.3.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi harian.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN**Tajuk: 8.0 Pengurusan Data**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
8.1 Mengumpul, mengelas dan menyusun data	8.1.1 Mengumpul data berdasarkan situasi harian.	-	-
8.2 Piktograf	8.2.1 Membaca dan mendapatkan maklumat dari piktograf.	-	-
8.3 Penyelesaian masalah	-	8.3.1 Menyelesaikan masalah melibatkan situasi harian.	-

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**